

12/09/1998

Tepukan paling gemuruh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kontinjen Malaysia seramai kira-kira 150 orang menerima tepukan paling gemuruh daripada kira-kira 100,000 penonton dalam upacara pembukaan Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI di Stadium Nasional, malam ini.

Didahului oleh jaguh lompat kijang negara, Mohd Zaki Sadri, serta chef-de-mission, Datuk Khalid Yunus, kontinjen Malaysia yang berpakaian baju Melayu bagi lelaki dan baju kurung bagi wanita, berarak penuh semangat di tengah sorakan tetamu yang hadir.

Dari pentas orang kenamaan, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, turut melambai.

Suasana tambah gemuruh dengan paluan gendang sambil lambaian sapu tangan, nyalaan lampu picit yang tidak henti-henti mengerlip serta lautan ombak manusia menambah keceriaan ketika kontinjen negara melakukan lintas hormat.

Kontinjen Kanada, antara yang terbesar mengambil bahagian, turut menerima sambutan paling meriah apabila melempar beratus-ratus `frisbee' ke arah penonton.

Scotland juga menarik perhatian apabila peserta lelakinya memakai pakaian tradisional menyerupai skirt manakala wanitanya memakai kain labuh hingga ke buku lali.

(END)